

Headline	Guna minyak masak basmi aedes		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	3	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	671 cm ²
Journalist	Nursyahirah Marzuki	AdValue	RM 23,130
Frequency	Daily	PR Value	RM 69,390



Guna minyak masak basmi aedes

➔ MPSepang,
FRIM
hasilkan
ABBF
hapuskan
nyamuk

Oleh Nursyahirah Marzuki

bhnews@bh.com.my

► Cyberjaya

Program Teknologi Biomas FRIM,
Dr Wan Asma Ibrahim.

Kerjasama hampir dua tahun Majlis Perbadanan Sepang (MPSepang) dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) untuk menghasilkan Aedes Bio Based Fuel (ABBF) bagi membasmi nyamuk aedes mendapat pengiktirafan.

Yang Dipertua MPSepang, Datuk Puasa Md Taib, berkata usaha itu bermula dengan kempen Kitar Semula Minyak Masak Terpakai (KISMAT) yang dijalankan Jabatan Kesihatan dan Persekitaran pihak berkuasa tempatan (PBT) itu, disusuli inisiatif memprosesnya menjadi biodiesel melalui teknologi FRIM.

“Hari ini (semalam), usaha kita mendapat pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBOR) sebagai PBT pertama menggunakan biodiesel untuk pembasmian aedes.

“Minyak masak yang terkumpul ini dapat dijadikan biodiesel melalui teknologi FRIM dan digunakan sebagai pembawa bahan aktif dalam alat semburan kabus (fogging) yang kita lakukan.

“MPSepang dan FRIM juga melaksanakan uji kaji di tiga lokasi iaitu di Taman Dengkil Jaya, Dengkil; Pangsapuri Dahlia, Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang dan makmal FRIM untuk melihat keberkesanan bahan berkenaan,” katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Ahli Majlis MPSepang, di sini, semalam.

Yang hadir sama, Timbalan Yang Dipertua MPSepang, Muhammad Hafiz Shaari; Penolong Pengurus MBOR, Ayman Izzaz dan Ketua

Kurangkan kesan sampingan terhadap alam sekitar

Puasa berkata, kajian mendapati penghasilan, ABBF daripada minyak masak kitar semula mampu membunuh nyamuk aedes dengan lebih berkesan dan pada masa sama, mengurangkan kesan sampingan terhadap alam sekitar kerana kurang kandungan toksik.

Katanya, MPSepang memperuntukkan RM168,000 bagi membangunkan projek berkenaan yang mampu menghapuskan nyamuk aedes secara berkesan berbanding penggunaan diesel biasa.

“Kita sudah mulakan kegiatan semburan kabus di kawasan dikenal pasti diancam wabak denggi di sekitar Sepang, namun kita harap penggunaan bahan ABBF ini dapat diperluaskan ke seluruh negara,” katanya.

Sementara itu, Wan Asma berkata, bahan pembawa (pelarut) daripada sumber biologi itu dapat mengurangkan kesan toksik kepada manusia berbanding bahan pembawa berasaskan bahan api fosil seperti diesel.

“Bahan pembawa daripada sumber biologi ini bukan saja mampu membunuh nyamuk aedes, malah dapat mengurangkan kesan toksik kepada manusia jika dibandingkan dengan bahan pembawa lain.

“Selain itu, ciri-ciri ABBF juga dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar dan tidak mengeluarkan bau busuk,” katanya.

Headline	Guna minyak masak basmi aedes		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	3	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	671 cm ²
Journalist	Nursyahirah Marzuki	AdValue	RM 23,130
Frequency	Daily	PR Value	RM 69,390

Fakta nombor

5,000 KILOGRAM
Minyak masak terpakai dikutip MPSepang sebulan

1 TAN
Minyak masak terpakai mampu hasilkan 80 peratus bahan ABBF

Headline	Guna minyak masak basmi aedes		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	3	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	671 cm ²
Journalist	Nursyahirah Marzuki	AdValue	RM 23,130
Frequency	Daily	PR Value	RM 69,390



Nyamuk terperangkap dalam sangkar khas yang dibuat oleh MPSepang dan FRIM.



MPSepang menggunakan biodisel untuk semburan kabus aedes di sekitar Sepang.

[FOTO IHSAN MPSEPANG]



Pihak Berkuasa Tempatan MPSepang sedia menggunakan biodisel untuk semburan kabus (fogging) aedes, sekitar Sepang.